



ISMAIL MOHAMED SAID

## Kos pentadbiran PTPTN turun 1 peratus dan penyelarasan kepada kaedah Ujrah Kemaskinilah dengan segera

Oleh ROSMAWATI MION  
Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

DAHULU, ramai mengeluh dan bersungut apabila Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengenakan kos pentadbiran sebanyak tiga peratus setahun. Alasan mereka jumlah tersebut terlalu tinggi dan membebankan pelajar.

Mendengar keluhan masyarakat, kerajaan mengambil langkah menurunkan kos pentadbiran PTPTN kepada satu peratus setahun atas kadar rata berkuat kuasa 1 Jun 2008 yang dilaksanakan melalui pendekatan berkonsepkan Ujrah (upah) selaras dengan syariah Islam sebagaimana yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Namun apa yang mengecewakan, meskipun diberikan penurunan sebanyak satu peratus, masih ramai lagi yang tidak mengemaskini maklumat untuk mendapatkan keistimewaan yang telahpun diberikan oleh kerajaan.

Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said berkata, terdapat kira-kira 800,000 peminjam PTPTN yang perlu mengemaskini maklumat mereka bagi

mbolehkan peminjam menikmati keistimewaan tersebut.

"Tetapi, sejak pengumuman pertukaran itu disiarkan di media massa pada September lalu, hanya seramai 32,708 permohonan daripada peminjam telah diterima oleh PTPTN.

"Itulah masalahnya. Apabila keluhan tidak diendahkan, mereka 'bising' tetapi bila sudah dilaksanakan, ramai bersikap tidak ambil peduli," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Ismail berkata, PTPTN tidak akan menukarkan kos pentadbiran daripada tiga peratus kepada satu peratus secara automatik melainkan peminjam mengemaskini maklumat mereka untuk mendapatkan tawaran pembiayaan Ujrah tersebut.

Sehubungan itu katanya, para peminjam dinasihatkan agar segera mengemaskini maklumat mereka melalui laman web PTPTN, [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) menggunakan nombor MyKad dan memasukkan alamat e-mel peminjam.

Jelasnya, peminjam perlu memberi maklum balas dan mengemaskini maklumat peribadi mereka seperti nombor telefon, alamat e-mel, alamat terkini, maklumat ibu bapa dan maklumat majikan.

"Selagi peminjam tidak mengemaskini maklumat, mereka tetap dikehendaki membayar kos pentadbiran sebanyak tiga peratus kerana masih terikat kepada perjanjian tawaran pinjaman lama.

"Dokumen perjanjian baru hanya akan diberikan apabila peminjam didapati layak menerima pembiayaan Ujrah," ujarnya.

Kata Ismail, tidak semua peminjam layak diberikan penukaran tersebut kerana ada sesetengah peminjam gagal menamatkan pengajian dan telah dikenakan tindakan penguatkuasaan serta undang-undang. Turut terkecuali mendapat penurunan itu adalah peminjam yang telah membatalkan pinjaman atau mendapat penajaan lain.

Menjelang lanjut Ismail memberitahu, dokumen tawaran akan dikeluarkan pada 10 haribulan setiap bulan dan ia akan dihantar terus ke alamat e-mel peminjam.

Oleh itu, peminjam dikehendaki mencetak dokumen yang dilampirkan dan menandatangani sebagai tanda bersetuju dengan penukaran tersebut, kemudian menghantar kembali dokumen itu kepada PTPTN dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh tawaran.

Sementara itu Ismail berkata, bagi mengelakkan berlakunya kesesakan talian Internet,

PTPTN memproses penawaran pembiayaan Ujrah secara berperingkat mengikut tahun kelulusan pinjaman. Ketika ini, PTPTN sedang giat menyelaraskan dan mengemaskini permohonan peminjam.

Beliau berkata, bagi tahun kelulusan pinjaman 2006, 2007 dan 2008, pendaftaran dan pengemaskinian telah bermula sejak 20 September lalu. Manakala bagi tahun kelulusan pinjaman 2003 hingga 2005, ia telah dilakukan bermula sejak 1 November lalu.

Tambah beliau, bagi tahun kelulusan pinjaman 2002 dan tahun sebelumnya, peminjam boleh mengemaskini maklumat mereka bermula 1 Disember yang lalu.

"Hasil penyelarasan yang dilakukan, PTPTN juga telah membuat bayaran pelarasan kepada 926 peminjam melibatkan RM222,026.83 iaitu mereka yang telah selesai membayar balik pinjaman dengan kos pentadbiran sebanyak tiga peratus. PTPTN akan terus membuat pelarasan tersebut dari semasa ke semasa mengikut permohonan yang diterima," ujar beliau.

Untuk sebarang maklumat dan pertanyaan sila hubungi hotline PTPTN di talian 03-2080 4455 atau layari laman web PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)